



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM *HOME HELP* GALAK PENYERTAAN MASYARAKAT LIBAT AKTIVITI KESUKARELAAN

**MIRI, 21 OGOS 2015** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program *Home Help* yang mana ianya sangat signifikan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat khususnya di kalangan komuniti yang kurang bernasib baik dan terpinggir.

Menurut Menterinya, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, dengan adanya mekanisme ini, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan bantuan akan dibantu untuk menjalankan kerja harian dan lain-lain perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang bersesuaian.

“Walaupun aktiviti yang dibuat nampak mudah, namun ia bukannya semudah seperti yang dijangka, hanya insan yang benar-benar tulus, ikhlas dan memiliki jiwa murni sahaja mampu memberikan sumbangan tenaga dan khidmat kepada klien yang memerlukan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Perasmian Penutup Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak di sini hari ini.

“Setelah tiga (3) tahun Program ini dilaksanakan, hasrat kementerian untuk menjadikan program ini sebagai platform kepada inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukarelaan telah tercapai.

Penglibatan lebih ramai sukarelawan JKM dalam program ini dilihat sebagai strategi serampang dua mata iaitu selain daripada misi melahirkan lebih ramai ahli komuniti untuk terlibat dengan kegiatan kesukarelaan, Program ini turut membantu menjayakan agenda di peringkat nasional iaitu sebagai persediaan awal untuk menyediakan

tenaga modal insan bagi membantu mewujudkan sistem sokongan sosial yang lebih efektif dan dinamik," tambah Rohani lagi.

Sehingga 31 Julai 2015, seramai 1,841 orang sukarelawan telah terlibat untuk menyediakan perkhidmatan kepada 6,318 orang klien yang mana daripada jumlah tersebut seramai 5,128 orang adalah warga emas manakala 1,190 merupakan OKU.

"Pada tahun 2014, Program ini telah menjadi KPI kepada saya yang mana pihak kementerian telah meletakkan sasaran sebanyak 1,500 klien baharu menerima perkhidmatan ini dan yang lebih membanggakan saya ialah kita bukan sahaja berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan, tetapi pencapaian yang diraih lebih daripada yang dijangkakan kerana pada tahun lepas sebanyak 2,227 klien baharu telah menerima perkhidmatan ini iaitu sebanyak 148.47 peratus daripada jumlah sasaran," katanya lagi.

"Oleh itu, adalah menjadi harapan saya agar Seminar *Home Help* yang diadakan pada hari ini dapat membuka ruang penambahbaikan yang lebih luas ke arah penyediaan perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang lebih mampan dan semoga perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada semua pihak yang terlibat dalam seminar ini sudah tentu menjadi input dan ramuan terbaik kepada semua pihak khususnya sukarelawan agar terus aktif dan dinamik," tegas beliau.

Turut hadir dalam program tersebut ialah YBhg Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dato' Hj Zulkiply Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBrs Tuan Hj Abg Shamsudin Abg Seruji, Pengarah JKMN Sarawak, YBrs Encik Zulkifli Ismail, Pengarah Bahagian Komuniti JKM dan pegawai-pegawai kanan KPWKM serta JKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya

No.Telefon : 019-2333110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)  
Tarikh dikeluarkan : 21 Ogos 2015